



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
وَتَبَرَّكْتُ بِإِسْلَامِ أَنْبَاءِ بَعْثِهَا مُلَدِّسِيَا

Pembahagian Harta Perkahwinan Menurut
Islam: Satu Analisis Berdasarkan Undang-
undang Keluarga Islam Di Malaysia

Oleh

Noor Bin Awang Hamat

Kertas projek ini adalah satu latihan ilmiah
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan
Diploma Pentadbiran Undang-undang Dan Kehakiman Islam

Kuliyah Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Mei 1993



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا
الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا
بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

(النساء : 58)

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat.

SINOPSIS

Kajian ini adalah merupakan suatu kajian ilmiah mengenai "Harta Perkahwinan Menurut Islam, Satu Analisis Berdasarkan Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia". Tumpuan kajian mengenai harta-harta Yang dihasilkan dalam masa perkahwinan.

Secara keseluruhan, Bab-Bab akan disusun mengikut lazim sesebuah kajian. Dalam kajian ini, penulis mengemukakan enam bab di bawah tajuk-tajuk besar. Kemudian akan disusuli dengan tajuk-tajuk kecil (subtopic) sebagai penyokong tajuk besar.

Penulisan dimulakan dengan pendahuluan kepada latarbelakang kajian, kemudian diikuti dengan tujuan dan metodologi yang digunakan serta skop kajian. Disamping itu dibincangkan juga mengenai justifikasi dan permasalahan yang mendorong penulis untuk membuat kajian ini.

Bab Satu membincangkan mengenai konsep harta dan perkahwinan dengan menitikberatkan keperluan harta dalam perkahwinan, seterusnya dibincangkan konsep perkahwinan dan perceraian sehingga memberi kesan kepada apa-apa aset yang diperolehi dalam masa berkahwin.

Bab dua, Bab ini mengenai sejarah atau latarbelakang Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Ini perlu sebelum penulis membincangkan konsep kepada harta perkahwinan.

Mengetahui latarbelakang sesuatu tajuk yang hendak dibincangkan itu amat penting kerana ia boleh memudahkan dan membantu penulis mengenalpasti kedudukan sebenar tajuk yang hendak dibuat kajian itu. Dalam bab ini, sejarah kemasukkan undang-undang Inggeris di Tanah Melayu tidak boleh diketepikan, kerana Undang-Undang penjajahan itu mempunyai kaitan rapat dengan undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Bab 111. Dalam bab ini, penulis akan memulakan kajian diperingkat awal dalam penekanan kepada konsep harta perkahwinan atau harta keluarga yang melibatkan semua keluarga yang ada di bawah komponan keluarga tersebut. Penulis juga akan membincangkan mengenai harta-harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan suami isteri, ini termasuk harta yang diwarisi dari ibubapa atau saudara mara, harta yang diwarisi melalui adat yang juga diperolehi dalam masa perkahwinan.

Bab 1V. Bab ini akan dikhususkan kepada harta sepencarian suami isteri dengan melihat kepada konsep, dasar, prinsip-prinsip serta falsafahnya. Oleh kerana dalam undang-undang Islam dan dalam buku-buku fiqah yang mu'tabar yang ditulis oleh ulama'-ulama' fiqah terkenal tidak membincangkan dengan secara jelas mengenai kedudukan atau status harta sepencarian

maka didapati agak sukar hakim mahkamah membuat satu penetapan mengenai harta jenis ini. Tidak terdapat perbincangan khusus dalam kitab fiqh munakahat, walau bagaimana pun harta sharikat yang dibincang dalam kitab-kitab fiqh (bab muamalat) boleh disamakan dengan konsep harta sepencarian suami isteri.

Andaian telah dibuat oleh sebahagian ulama-'ulama' fiqh kini, bahawa harta jenis ini (harta sepencarian) tidak ada di zaman ketika kitab-kitab fiqh itu ditulis menyebabkan mereka ('ulama') tidak memasukkan dalam kitab-kitab fiqh mereka. Oleh itu, beberapa persamaan dari segi sifat dan ciri-ciri utama yang ada pada harta sharikat, cuba digunakan oleh ulama' kini (qadi-qadi dan hakim-hakim) dalam menetapkan istilah harta sepencarian, supaya selaras dengan undang-undang Islam.

Bab V. Bab ini adalah bab penting dalam kajian, dimana penulis akan membincangkan mengenai kaedah pembahagian harta sepencarian suami isteri, walau pun mahkamah sudah membuat kaedah pembahagian harta jenis ini dengan pembahagian separuh-seperuh antara suami dan isteri dalam harta yang diusahakan bersama, dan satu pertiga kepada yang tidak memberi sama-sama berusaha dalam memperolehi harta, tetapi sumbangan lain diambil kira. Kaedah ini sebenarnya memerlukan kepada perbincangan semula, kerana ianya banyak menimbulkan masalah kepada pihak-pihak tertentu terutama kepada pihak yang menghasilkan harta. Inilah perlu hendak dijelaskan serta dianalisa oleh penulis.

Bab VI. Bab ini adalah bab penutup, penulis akan membuat rumusan dari apa yang dibincangkan dalam bab-bab di atas secara keseluruhannya. Penulis telah membuat satu kaedah yang boleh diterima oleh semua pihak dalam menyelesaikan harta sepencarian suami isteri. Penulis mengharapkan agar kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berwajib, terutama hakim-Hakim syarie yang terlibat secara serius dalam menyelesaikan pembahagian harta sepencarian suami isteri.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat menyempurnakan Kertas projek yang menjadi sebahagian syarat keperluan untuk memperolehi Diploma Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khusus kepada Dr. Mohd Zain Haji Othman selaku penyelia kertas projek ini yang telah membantu penulis dalam menyempurnakan kajian ini. Segala tunjuk ajar serta nasihat yang telah diberikan penulis mengucapkan Jazaka Allah Khairan Khathira.

Terimakasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Datuk Nik Ab. Rashid Nik Ab. Majid yang telah membimbing serta menunjuk ajar cara-cara untuk menulis kajian ilmiah mengikut format yang betul.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih dirakamkan kepada kepada semua pensyarah-pensyarah Diploma In Law and Administration of Islamic Judiciary (DAIJ) Universiti Islam Antarabangsa (UIA) bagi sesi 1992/1993. Yang berbahagian Prof. Tan Sri Dato' Ahmad Ibrahim, Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, Prof. Tan Sri Dato' Syed Agil Barakbah, Prof. Madya Abdullah Abu Bakar, Yang Mulia Ustaz Mohamed Abu Bakar, Ustaz Idris Omar, En. Baharuddin Abu Bakar, En. Osman Awang yang telah mengajar dan mencurahkan ilmu yang tidak ternilai harganya. Tunjuk ajar semua pensyarah akan menjadi khazanah ilmu yang sungguh bermakna kepada penulis.

Kepada kakitangan Perpustakaan UIA, Perpustakaan Undang-Undang UM, Perpustakaan Tun Abdul Razak ITM Shah Alam, dan Perpustakaan Awam Pusat Islam juga Pusat Islam Bahagian Penyelidikan yang telah menyediakan segala kemudahan kepada penulis dalam menyempurnakan kajian ini.

Terimakasih seterusnya ditujukan khas kepada pihak pentadbiran Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Mahkamah Syariah Selangor khususnya kepada hakim-hakim dan pendaftar kedua-dua mahkamah yang telah memberi kerjasama kepada penulis untuk menyempurnakan kertas projek ini.

Kepada semua rakan kursus Diploma Undang-Undang Dan pentadbiran Kehakiman Islam Sesi 1992/1993 yang telah memberi pendapat serta pandangan yang sangat berguna kepada penulis dalam menjadikan kajian ini lebih baik dan lebih sempurna.

Akhirnya, penulis berharap semoga kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat secara serius dalam pengendalian dan penyelesaian harta orang Islam di Malaysia melalui proses mahkamah.

Amin Ya Rabal 'Alamin

.....
EN. NOOR AWANG HAMAT
13. Jalan 10/12
Shah Alam Selangor D.E.
31hb. Mei 1993.

NAH/DAIJUIA.

KANDUNGAN

Sinopsis	i
penghargaan	v
Kandungan	vi
Senarai Kes	ix
Senarai Statut	xi

PENDAHULUAN

Latarbelakang	xii
Objektif kajian	xv
Skop Kajian	xvi
Metodologi Kajian	xviii
Jastifikasi Kajian dan permasalahan	xx

BAB 1

HARTA DAN PERKAHWINAN

1.1 Perkahwinan dan perceraian -----

BAB 11

LATARBELAKANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

2.1	Pendahuluan -----	5
2.2	Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri Selat semasa penjajah Inggeris-----	6
	2.2.1 Pulau Pinang -----	3
	2.2.2 Singapura-----	11
	2.2.3 Melaka -----	13
2.3	Undang-Undang Tempatan dan Undang Inggeris-----	16
2.4	Undang-Undang keluarga Islam semasa penjajah Inggeris--	19
2.5	Kedudukan Undang-Undang Keluarga dalam Undang-Undang tempatan -----	20

BAB 111

HARTA PERKAHWINAN SUAMI ISETRI

3.1	Pengertian Harta Perkahwinan -----	30
3.2	Pemilikan harta suami atau isteri -----	44
3.3	Kesan perkahwinan terhadap harta -----	24
3.4	Jenis-Jenis harta perkahwinan -----	39
3.4	Kesimpulan -----	47

BAB 1V

HARTA SEPENCARIAN SUAMI ATAI ISTERI

4.0	Pendahuluan -----	48
4.2	Konsep Harta Sepencarian -----	49
4.3	Harta sepencaraan dalam 'adat-'adat Tempatan.	
4.3.1.	'Adat Perpatih -----	55
4.3.2	'Adat Temenggung -----	58
4.3.3	'Adat Kampung -----	61
4.4	Hubungan diantara harta sepencarai suami isteri dengan harta sharikat. -----	67
4.4.1	Harta sharikat -----	67
4.5	Harta sepencarian menurut statut -----	76
4.6	Kesimpulan -----	81

BAB V

PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN SUAMI ISTERI

5.1	Pendahuluan -----	85
5.2	Pembahagian harta sepencarian suami isteri mengikut undang-undang kelaurga Islam di Malaysia -----	90

5.3 Pembahagian harta sepencarian suami isteri mengikut kaedah harta sharikat -----	105
5.3.1 Jenis-Jenis Sharikat -----	107
a) Sharikat Mulk -----	107
5.3.2 Dasar pembahagian harta sharikat -----	110
5.3.3 konsep sharikat 'Aqad -----	112
5.4 Pembahagian harta sepencarian mengikut konsep upah atau bayaran pampasan.-----	113
5.5 Kesimpulan. -----	114

BAB VI

PENUTUP

SABIOGRAFI DAN LAMPIRAN -----	119
-------------------------------	-----

KES-KES HARTA SEPENCARIAN

Kelantan Enactment, S. 46

Wilayah Enactment, S. 58.

Teh Rasim V Neman Taylor Malay Family Law 18

Wan Manhatan V Haji Abdul Samah Taylor p.25 ; 4 JH 67

Re Elang Taylor p. 48

Re Noorijah Taylor p. 59

Haji Abdullah V Rubah, Lee Hun Hoe, Cases On Native Sabah

Tiamsan V Kanali, Lee Hun Hoe p. 164

Ramah V Laton (1926) 6 FMSLR 179.

Teh Binte Chek V Kalsom Binte Haji Abbas [1939] MLJ 289

Haji Saeman V Haji Sulaiman [1948] MLJ 108.

Hajjah Lijah V Fatimah [1950] MLJ 63.

Hajjah Sulong V Mamat (1952) 4 MC 291.

Robert V Ummi Kalthum [1966] 1 MLJ 163.

Mohamad V Commissioner of Lands and Mines,

Terengganu [1968] MLJ 227

Hasnah V Hussein (1973) 3 JH 90.

Sepiah Bt Sulaiman V Abdullah (1077) 5 JH 69

Noorbee V Ahmad Shanusi (1978) 1 JH (2) 63.

Mamat V Fatimah (1978) 1 JH (1) 63

Aishah Bee V Mohammd Noor (1979) 1 JH (1) 94

Rosnah V Ibrahim (1979) 1 JH (2) 94

Sabariah V Zainol (1979) 1 JH (2) 99

Tengku V Ibrahim (1979) 2 JH 300

Haminah Bee V Shamsudin (1979) 1JH (2) 71
Zawiyah V Ruslan (1980) 1 JH 102
Haji Abdul Rahim V Isnagaton (1980) 2 JH 284
Ramlah V Mohamed (1980) 1 JH (2) 77
Tengku Anum Zaharah V Dato Hussein (1980) 3 JH 125
Zainuddin V Anita (1982) 4 JH 73
Bedah V Abdul Ghani (1982) 4 JH 225
Zahrah V Saidon (1983) 1 JH 225
Zarah V Idris (1984) 5 JH 186
Boto V Jaafar [1985] 2 MLJ 88 : 5 JH 61
Yang Chik V Jamal (1986) 6 JH 146
Rokiah V Mohamed Idris (1986) 6 JH 272
Kamariah V Mansjur [1986] 6 JH 301
Maimunah V Abdullah (1987) 7 JH 88
Jaliah V Abu Bakar [1987] 7 JH 72
Overseas Investment Pte Ltd V O'Brien
[1988] 8 MLJ 332
Ningal Alias Yang Chik V Jamal (1988) 6 JH 234
Sharifah Sapayah V Wan Alwi (1988) 6 JH 259
Mansjur V Kamariah [1988] 7 JH 289
Official Assignee V Siti Ramlah [1991] 2 MLJ 479.

Senarai Statut

- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), 1984
[Akta 303] .
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor. [Bil. 4/1979].
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor, 1990 [No.
5/1990].
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah, [NO.9/1962].
- Enakmen Keluarga Islam, Kedah 1979 [Bil. 2/1984].
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
[No. 2/1966]. [1992].
- Enakmen Keluarga Islam, Kelantan [NO. 1/1983]
- Enakmen Pentadbiran Syariah Kelantan. [3/1982]
- Enakmen Pentadbiran Hukum Shara' (Negeri Melaka) [NO.
5/1991].
- Enakmen Keluarga Islam Melaka. [NO. 2/1983].
- Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan. [NO. 7/1983].
- Enakmen Pentadbiran Hukum Shara' (Negeri Sembilan) [NO.
8/1991].
- Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pa-
hang, [NO. 8/1982].
- Enakmen Keluarga Islam Pahang, [NO. 3/1987].
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak [Bil. 11/1965].
- Enakmen Keluarga Islam Perak, [1992].
- Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Pulau Pinang dan Sebarang
Prai, [NO. 3/1959].

Enakmen Keluarga Islam Pulau Pinang, [Bil. 2/1985].

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis, [NO. 3/1964].

Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam Perlis, [Bil. 4/1991].

Enakmen Pentadbiran Hukum Shara' Selangor, [1952].

Enakmen Keluarga Islam Selangor, [NO.4/1984].

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. [Bil. 12/1986].

Enakmen Keluarga Islam Terengganu, [Bi. 12/1985]

Enakamen Pentadbiran hukum shara' Sabah, [NO. 15/1977].

Majlis Islam (Incorporation) Ordinance, Sarawak 1984. [Cap. 105].

Ordinan Keluarga Islam Sarawak, [NO. 5/1991].

PENDAHULUAN

Al-Quraan dan Hadith merupakan sumber utama perundangan Islam. Di dalamnya terdapat berbagai sistem dan peraturan hidup yang menjadi panduan, ikutan kepada seluruh manusia kearah kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.

Perundangan Islam yang terkandung dalam al-Quraan dan Hadith meliputi berbagai-bagai aspek, ini termasuk perkara-perkara yang ada hubungan dengan Allah SWT dan hubungan manusia sesamanya, seperti undang-undang jenayah dan undang-undang keluarga.

Undang-Undang Keluarga mengandungi hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan seperti, pertunangan dan maskahwin, perkahwinan dan nafkah, perceraian, hak jagaan anak selepas bercerai dan pembahagian harta sepencarian suami isteri (jika ada).

Prinsip-prinsip umum perundangan Islam yang terdapat dalam al-Quraan dan Hadith Rasulullah SAW, memerlukan kepada penjelasan dan pentafsiran oleh ulama'-ulama' Islam yang 'arif ('alim) dalam perundangan, sementara prinsip-prinsip

yang sudah jelas disebut dalam al-Quraan dan Hadith menjadi garis panduan kepada para ulama' dalam membuat dan menggubal peratualan undang-undang, ini termasuk undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.

Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia yang menjadi teras (dasar) kepada hal-hal yang berkaitan dengan keluarga, khas untuk orang Islam¹ dan ianya telah diatur dan disusun berdasarkan kepada Syari'at Islam.² Undang-Undang ini menjadi rujukan utama dalam pentadbiran dan penyelesaian pertikaian keluarga orang Islam di Malaysia.

Harta sepencarian yang ada dalam undang-undang 'Adat dan didengar di Mahkamah Sivil (Awam), tidak lagi dibicarakan di Mahkamah tersebut setelah Mahkamah Shari'ah diberi kuasa untuk mendengarnya, sementara keputusannya tidak boleh dika-³bar di mana-mana Mahkamah Sivil di Malaysia. Ini disebabkan⁴ harta itu adalah harta orang Islam.

Kajian mengenai harta sepencarian lazimnya dibincang didalam buku-buku yang berbentuk 'adat dan tidak dalam kitab-kitab fiqah munakahat. Andaian boleh dibuat bahawa ulama'-

-
1. Orang bukan Islam tidak terta'luk kepada perundangan ini.
 2. Orang Islam di Malaysia terta'luk kepada Undang-Undang Keluarga Islam
 3. Lihat, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, perkara. 121 (1A).
 4. Hal-Hal keluarga Islam, Mahkamah Shari'ah berbidangkuasa.

ulama' fiqah dahulu tidak mengalami keadaan ini. kerana itu tidak ada perbincangan khusus mengenainya, atau pun keadaan masyarakat ketika itu tidak membenarkan isteri-isteri mereka bekerja di luar rumah. Jadi, oleh kerana tidak ada harta yang diusahakan bersama suami isteri maka tidak timbul soal pembahagian atau harta sepencarian. Segala keperluan dan penyediaan perbelanjaan keluarga menjadi tanggungjawab suami.

Salah satu "legit" dalam madhab Shafie" terdapat perbincangan mengenai "harta Musya'" yang menjadi pertikaian kepada masyarakat Arab ketika itu. Sebenarnya harta sepencarian berbeza dengan harta musya', kerana harta musya' tidak tertaflik kepada harta suami atau isteri, asal sahaja harta yang bercampur sehingga tidak boleh dibezakan hak seseorang dengan orang lain, dan termasuk juga harta suami atau isteri, sedangkan harta sepencarian adalah harta usaha bersama suami isteri. Berdasarkan kes-kes yang diputuskan nampaknya hakim tidak berjaya menunjukkan bahawa harta sepencarian adalah juga bersumberkan kepada perundangan Islam.

1. Lihat, Shafie', Muhammad Idris. (1961), **Al-UM** Juzu' V, Al-Faniyyah, Mesir. hlm. 95-96.

Objektif Kajian.

Terdapat beberapa objektif utama yang akan dibincangkan dalam kajian ini:-

1. Untuk membincangkan dan mengetahui hakikat sebenar harta yang termasuk di bawah harta-harta perkahwinan.
2. Untuk mengetahui dan memahami kedudukan sebenar harta sepencarian suami isteri dari segi sejarah pemakaiannya dan kaitan dengan adat Melayu yang diamalkan di Malaysia.
3. Untuk menganalisa konsep harta sepencarian suami isteri berdasarkan kepada undang-undang keluarga Islam di Malaysia.
4. Untuk mengetahui proses penyelesaian harta sepencarian suami isteri di Mahkamah-Mahkamah Shari'ah dan bentuk pertimbangan yang dibuat oleh hakim Shari'ah.
5. Untuk mengetahui pembahagian harta sepencaraan suami isteri berdasarkan kepada undang-undang Islam samada melalui undang-undang adat Melayu atau melalui kaedah pembahagian harta sharikat atau pembahagian berdasarkan konsep upah.
6. Untuk mengetahui dan membincangkan satu keadah atau peraturan pembahagian harta sepencarian suami isteri berdasarkan undang-undang Islam.

Skop Kajian

Harta perkahwinan adalah luas pengertiannya, kerana ia segala macam harta yang diperolehi semasa perkahwinan seorang lelaki dengan seorang perempuan. Harta-Harta yang lazimnya diwarisi oleh suami atau isteri semasa mereka berkahwin ialah harta-harta pesaka dari ibubapa masing-masing, atau pesaka dari waris yang lekat dengan mereka, atau harta pemberian seseorang termasuk pemberian dari ibubapa, atau harta-harta yang diperolehi melalui wasiat seseorang kepada mereka, atau harta pemberian suami kepada isteri, isteri kepada suami, atau harta yang diwarisi dari 'adat-'adat seperti 'adat Perpatih. 'Adat ini mengutamakan waris perempuan dari lelaki 'Adat Temenggung pula lebih memihak kepada lelaki dari perempuan.

Oleh kerana luasnya harta perkahwinan, dan pembahagiannya melibatkan banyak pihak maka penulis akan membincangkan salah satu daripada harta-harta perkahwinan tersebut, iaitu harta sepencarian suami isteri dari segi konsep dan falsafahnya.

Perkara penting yang perlu dibincangkan ialah mengenai kaedah atau peraturan pembahagian harta sepencarian yang dihasilkan dalam masa berkahwin.

Undang-Undang Keluarga Islam, di Malaysia yang telah lama menjadi asas (asas) amalan kepada penyelesaian harta sepencarian akan menjadi rujukan utama dalam kajian ini. Walau bagaimanapun tumpuan hanya kepada harta-harta yang disebut di atas (harta sepencarian). Selain daripada undang-undang Islam, undang-undang lain yang berkaitan menjadi rujukan kepada kajian.